



Headline: Terbabit gubah wang haram taktik penipu
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 9 March 2022

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 8

Terbabit gubah wang haram taktik penipu

Kuala Lumpur: Dakwaan terbabit kes pengubahan wang haram menjadi modus operandi sering digunakan sindiket Macau Scam untuk memperdaya dan menakut-nakutkan mangsa sehingga menyerahkan wang mereka.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Mohd Kamarudin Md Din berkata, pihaknya merekodkan sebanyak 557 kes penipuan Macau Scam dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini, manakala 1,585 kes sepanjang tahun lalu.

Menurutnya, kes berkenaan disiasat Bahagian Siasatan Pengubahan Wang Haram dan siasatan tidak dibuat melalui panggilan telefon semata-mata.

“Saksi (kes) yang berkaitan akan dikehendaki hadir di pejabat Bahagian

Siasatan Pengubahan Wang Haram atau mana-mana balai polis berhampiran untuk tujuan siasatan.

“Pihak polis juga tidak akan sewenang-wenangnya membeku atau menyita akaun bank milik individu tertentu.

“Tindakan itu hanya akan dilakukan selepas siasatan yang dijalankan menemui bukti dan keterangan mencukupi,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Justeru, beliau mengingatkan individu yang menerima panggilan meragukan supaya membuat semakan dengan pihak polis bagi mengelak menjadi mangsa penipuan.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi CCID Scam Response di talian 03-26101559/599.